



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL : 6 /2010
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


DASAR DAN STRATEGI DALAM PERLAKSANAAN E-KERAJAAN:
MEMANTAPKAN PERANAN CIO DAN PERLAKSANAAN
PROJEK-PROJEK 'FLAGSHIP' E-KERAJAAN

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan beberapa perubahan dan pengemaskinian terhadap pelaksanaan e-Kerajaan mulai 01 Mac, 2010 seperti berikut:

a. Memantapkan lagi struktur dan peranan CIOs supaya lebih berkesan

- Setiap Kementerian hendaklah membuat pelantikan semula Chief Information Officer (CIO) yang menepati kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh Jabatan Perdana Menteri. CIO yang dilantik hendaklah terdiri dari seorang pegawai kanan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) atau seorang pegawai kanan daripada Kementerian masing-masing dengan persetujuan Jabatan Perdana Menteri. Dalam hubungan ini, pelantikan CIO adalah juga perlu bagi institusi-institusi pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA), Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB). Struktur CIO adalah seperti yang diterangkan di **Lampiran 1**.
- Setiap Kementerian hendaklah mengekalkan kaedah 'IT support team' yang sekurang-kurangnya diketuai oleh seorang Pegawai Kanan di peringkat Pengurus Sistem dari EGNC yang akan berfungsi sebagai Chief Technology Officer (CTO) yang berkebolehan dalam memberi bantuan dan nasihat teknikal kepada 'CIO'. Usaha sedemikian adalah sebagai langkah mendukung hasrat Jabatan Perdana Menteri dalam memastikan pensejajaran 'Information Systems/Information Technology (IS/IT) Plan' di Kementerian masing-masing dengan Pelan Strategik e-Kerajaan 2009-2014.

ms



-2-

- Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) berfungsi sebagai "Full time Government CIO Office" dengan bantuan dalaman daripada E-Government Technical Authority Body (EGTAB). Manakala CIO Dialog masih dikekalkan dengan memberi tumpuan kepada isu-isu strategik dan akan dipengerusikan oleh 'Overall Government CIO'.

b. Pelaksanaan projek-projek 'Flagship' e-Kerajaan

- i. Pelaksanaan projek-projek e-Kerajaan akan memberi keutamaan kepada projek-projek yang di kategorikan sebagai "Flagship Projects" iaitu projek-projek yang mempunyai ciri-ciri berikut:
 - Projek yang melibatkan sekurang-kurangnya dua (2) Kementerian atau membawa kesan antara agensi (cross agencies impact);
 - Projek yang membawa kesan/impak yang tinggi dan positif kepada orang ramai termasuk pihak swasta/perniagaan khususnya dalam pemberian perkhidmatan-perkhidmatan online yang mudah dan cepat didapati dimana-mana, bila-bila masa dan diakses oleh semua peringkat orang ramai; dan
 - Projek yang menjimatkan kos dan meningkatkan produktiviti serta efisiensi;
- ii. Bagi memberkesankan lagi pengurusan dan pelaksanaan projek-projek 'Flagship', Kementerian-Kementerian yang terlibat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pelaksanaan Projek Flagship e-Kerajaan (JKPPF) yang di pengerusikan bersama oleh sekurang-kurangnya dua 'business owner' projek berkenaan, iaitu diperingkat Setiausaha Tetap. JKPPF yang dimaksudkan hendaklah memberi laporan perkembangan ke Forum Kepimpinan E-Kerajaan (EGLF) dari semasa ke semasa serta berkongsi maklumat dengan Jawatankuasa Pandu Pemberian Perkhidmatan Kepada Orang Ramai oleh Agensi-Agensi Kerajaan dimana perlu. Struktur bagi pelaksanaan projek "Flagship" adalah seperti yang diterangkan di **Lampiran 2**.

Sm



-3-

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan negara Brunei Darussalam jua mengenainya.

(SA BALI BIN ABAS)

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri


Selaku Overall Government CIO

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA100
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (6) JPM/SK/2010
Tarikh : 25 Rabiulakhir 1431
10 April 2010



LAMPIRAN 1



tony



LAMPIRAN 2

STRUKTRUR JAWATANKUASA KHAS PERLAKSANAAN PROJEK FLAGSHIP E-KERAJAAN (JKPPF)

Pentadbiran Projek Flagship

